**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**
**Unit Korporat dan Perhubungan Awam**
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03-3180 3694 No. Fax : 03-3180 2854

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

# KERATAN AKHBAR
## 12 JANUARI 2019

| BIL | TAJUK | AKHBAR | M/S |
|---|---|---|---|
| 1 | Najis tikus bersepah, pekerja berkuku panjang | Sinar Harian | - |
| 2 | MDKL tutup restoran "najis tikus" | SelangorKini | - |

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**
**Unit Korporat dan Perhubungan Awam**
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03-3180 3694 No. Fax : 03-3180 2854

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

**KERATAN AKHBAR**
**12 JANUARI 2018**

| | | |
|---|---|---|
| Tajuk | : | Najis tikus bersepah, pekerja berkuku panjang |
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Muka Surat | : | - |

# Najis tikus bersepah, pekerja berkuku panjang

NUR FARHANA ABDUL MANAN | 11 Jan 2019



Pemeriksaan dapati kuku pekerja panjang dan najis yang ditemui di celah kotak simpan barang memasak.

BANTING - Najis tikus bersepah di kotak penyimpanan barang memasak, pekerja berkuku panjang, tidak pakai penutup kepala serta apron.

Itu penemuan hasil serbuan dan pemeriksaan mengejut dilakukan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di beberapa restoran sekitar Jenjarom dan pekan Banting di sini.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, dalam pemeriksaan itu pengusaha premis makanan juga didapati gagal memastikan pekerja mengambil suntikan kesihatan, menggunakan kertas bercetak tidak dibenarkan, gagal menyelenggara peti sejuk malah membiarkan lantai, dinding serta tandas kotor serta tidak dicuci mengikut jadual.

Menurutnya, disebabkan gagal mematuhi peraturan, premis terbabit disita dan diarah melakukan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan dengan kadar segera.

"Hasil pemeriksaan, pemilik premis didapati tidak titikberatkan aspek kebersihan seperti ditetapkan dalam syarat lesen. Pemilik juga didapati gagal pasang perangkap minyak hingga sisa minyak dan makanan terus masuk ke dalam longkang.

"Premis ini dikenakan tindakan Notis Perintah Tutup selama 14 hari bagi melakukan kerja-kerja pembersihan dan penambahbaikan dengan kadar segera di bawah bawah Undang-Undang Kecil 62, Undang-Undang Kecil Perlesenan Establisymen Makanan (MDKL) 2007," katanya.

Terdahulu, beliau berkata MDKL menyita tiga restoran di Taman Seri Jaromas, Jenjarum dalam operasi bersepadu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan juga Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Beliau berkata, pengusaha didapati melakukan pelbagai kesalahan termasuk tidak memiliki lesen papan iklan dan permit kaki lima; tidak mempamerkan tanda harga minuman; tiada suntikan kesihatan dan tidak memasang perangkap minyak hingga menyebabkan sisa minyak masuk ke dalam longkang.

Beliau berkata, pemilik juga didapati tidak memiliki lesen perniagaan serta meletakkan kerusi dan meja hingga menyebabkan halangan awam.

Dalam serbuan sama katanya, KPDNHEP melakukan sitaan ke atas minuman tin di premis tersebut kerana tidak mempamerkan tanda harga.

"JAIS juga melakukan semakan dan memberikan penerangan mengenai tanda sijil halal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran MDKL, Syamsol Herwan Ahmad yang turut menyertai pemeriksaan, berkata pihak MDKL kini giat menjalankan pengedaran risalah mengenai penyediaan tong sampah MGB 120 liter kepada semua peniaga di daerah ini dengan di dahului oleh pekan Banting.

"Ini bagi galakkan peniaga sediakan dan lupuskan sampah domestik di tempat dibenarkan sahaja berkuat kuasa dari tarikh notis diterima dalam tempoh seminggu.

"Sekiranya peniaga tidak patuh arahan ditetapkan, peniaga boleh dikenakan tindakan kompaun dengan denda tidak melebihi RM1,000 atau tindakan pendakwaan di mahkamah dengan denda tidak melebihi RM2,000 sehingga tahap lesen boleh dibatalkan oleh pihak MDKL," katanya.

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**
**Unit Korporat dan Perhubungan Awam**
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah
42700 Banting
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03-3180 3694 No. Fax : 03-3180 2854

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

CERTIFIED TO ISO 9001: 2015
CERT. No. QMS 00822

**KERATAN AKHBAR**
**12 JANUARI 2018**

| | | |
|---|---|---|
| Tajuk | : | MDKL tutup restoran "najis tikus" |
| Akhbar | : | SelangorKini |
| Muka Surat | : | - |

# MDKL tutup restoran 'najis tikus'

PBTSELANGOR January 12, 2019 10:07 am

OLEH NORHAYATI UMOR

BANTING, 12 JAN: Ekoran enggan mematuhi peraturan ditetapkan, premis perniagaan makanan di daerah Kuala Langat berdepan tindakan penutupan.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Mohamad Zain A Hamid berkata, restoran berkenaan bukan sahaja kotor, malah terdapat najis tikus, pekerja tidak memakai penutup kepala dan apron serta berkuku panjang.

Katanya, tindakan menutup premis perniagaan itu dilakukan kerana pemiliknya didapati tidak menitikberatkan aspek kebersihan seperti ditetapkan dalam syarat perlesenan MDKL.

"Antara lain adalah tiada suntikan kesihatan, penggunaan kertas bercetak yang tidak dibenarkan semasa menjalankan perniagaan dan peti sejuk yang tidak diselenggara dengan baik.

"Lantai dan dinding premis yang kotor, tandas tidak dicuci mengikut jadual dan tidak memasang perangkap minyak hingga menyebabkan sisa minyak serta makanan terus masuk ke dalam longkang," katanya dalam kenyataan.

Katanya, sebanyak tiga restoran di Taman Seri Jaromas, Jenjarum disita serta-merta dalam satu operasi bersepadu bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Agama Islam Selangor.



Beliau berkata, MDKL turut mendapati restoran itu melakukan pelbagai kesalahan lain antaranya tidak memiliki lesen papan iklan, tidak memiliki permit kaki lima dan tidak mempamerkan tanda harga minuman.

"Selain itu, restoran itu tidak memasang perangkap minyak hingga menyebabkan sisa minyak masuk ke dalam longkang, tidak memiliki lesen perniagaan serta meletakkan kerusi dan meja yang menghalang orang awam," katanya.

Dalam operasi sama, (KPDNHEP) negeri juga melakukan sitaan ke atas minuman tin kerana didapati tidak mempamerkan tanda harga.

Manakala, JAIS pula memastikan pengusaha restoran beragama Islam dan memberi penerangan berkenaan tanda sijil Halal.